

# KENYATAAN MEDIA

## LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

HASIL/2025/01/08 – 03

### MAKLUMAN TARikh AKHIR PENGEMUKAAN DATA DAN BAYARAN POTONGAN CUKAI BULANAN MELALUI e-DATA PCB, e-PCB DAN e-CP39

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa sistem perkhidmatan Potongan Cukai Bulanan (PCB) baharu **e-PCB Plus** akan diperkenalkan bagi menggantikan sistem sedia ada iaitu e-PCB, e-Data PCB dan e-CP39 di bawah satu platform menerusi portal MyTax.

Pelaksanaan ini adalah seiring dengan pelaksanaan pelan peralihan ke arah sistem e-PCB Plus Fasa 1 yang telah bermula pada 24 September 2024 melibatkan fungsi pendaftaran peranan Majikan / Wakil Majikan / Pentadbir PCB di MyTax dan Wakil Pentadbir di e-PCB Plus bagi seluruh majikan yang terlibat dengan PCB.

Susulan pelaksanaan sistem perkhidmatan baharu ini, majikan diminta untuk menyelesaikan semua pengemukaan data dan bayaran PCB bagi potongan bulan semasa atau potongan tahun kebelakangan pada atau sebelum **15 Januari 2025**.

Mulai 15 Januari 2025, sistem PCB sedia ada hanya akan dibuka untuk tujuan paparan sahaja bagi membolehkan majikan membuat semakan terhadap



HASIL\_MALAYSIA



HASILMALAYSIA

maklumat/rekod PCB terdahulu. Fungsi lain seperti pengisian, pengiraan dan bayaran PCB akan ditutup sepenuhnya.

Pelaksanaan sistem e-PCB Plus sepenuhnya akan dimaklumkan sebelum dibuka secara rasmi bagi kegunaan seluruh majikan dan pengguna. Sehubungan itu, HASiL menyarankan agar majikan yang sedang menggunakan sistem e-PCB, e-Data PCB dan e-CP39 dan masih belum membuat pendaftaran peranan di sistem e-PCB Plus untuk menyelesaikan semua pengemukaan berkaitan dengan segera bagi melancarkan proses peralihan berkenaan.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**



---

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Khidmat Korporat**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**  
Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 08 Januari 2025**